

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT KETIGA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEEMPAT, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN GOBIND SINGH DEO
[PUCHONG]**

TARIKH : 1 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN :

**Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**
menyatakan merujuk kepada beberapa insiden melibatkan kecuaiian ibu
bapa sehingga menyebabkan kematian anak dan nyatakan langkah-
langkah Kerajaan untuk menguatkuasakan Akta Kanak-Kanak (Pindaan)
2016.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT**

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Kanak-Kanak (Pindaan) 2016 [Akta A1511] telah diluluskan oleh Parlimen pada bulan Jun 2016 dan telah diwartakan pada 25 Julai 2016. Antara fokus utama Akta ini digubal adalah bagi **memperkukuh elemen perlindungan, pemeliharaan, pemulihan serta penyertaan kanak-kanak** yang sedia ada di Malaysia. Pengukuhan ini termasuklah pemeraksanaan dalam penyampaian perkhidmatan dan penguatkuasaan melalui peningkatan penalti selaras dengan keperluan dan situasi masa kini.

Seksyen 31, Akta A1511 mengenai kesalahan penganiyaan, pengabaian, pembuangan atau pendedahan kanak-kanak dipinda untuk **meningkatkan penalti denda dan pemenjaraan** sedia ada. Bagi kesalahan ini, tempoh maksimum pemenjaraan dinaikkan daripada **10 tahun kepada 20 tahun**, denda dinaikkan daripada **RM20,000 kepada**

RM50,000 atau kedua-duanya dengan **khidmat masyarakat sebagai hukuman mandatori.**

Tuan Yang di-Pertua,

Antara langkah-langkah Kerajaan dalam menguatkuasakan Akta A1511 ini ialah seperti berikut:

i. **Sesi turun padang Akta A1511**

Semasa proses memuktamadkan Rang Undang-Undang bagi Akta A1511 ini, KPWKM bersama-sama JKM telah mengadakan sesi turun padang di seluruh negara (mengikut zon) bagi memperkenalkan dan menyebarkan pindaan-pindaan yang terdapat di dalam Akta A1511. Sesi turun padang ini melibatkan Pegawai Kebajikan Masyarakat di daerah dan negeri serta pegawai agensi di bawah KPWKM bagi memberikan pemahaman akan pindaan terutamanya dalam aspek penguatkuasaan peruntukan sebelum Akta A1511 dikuatkuasakan.

ii. **Penggubalan peraturan, kaedah, garis panduan dan *standard operating procedure* (SOP) di bawah RUUKK**

KPWKM sedang dalam peringkat pemurnian peraturan-peraturan, garis panduan dan *standard operating procedures* (SOP) yang sedia ada dan penggubalan baharu bagi memastikan peruntukan-peruntukan di bawah Akta A1511 dapat dilaksanakan oleh agensi berkaitan seperti polis dan kehakiman dengan lebih holistik dan berkesan di peringkat akar umbi.

iii. **Pembangunan kapasiti pegawai kehakiman, perundangan dan pihak berkuasa.**

Beberapa latihan pembangunan kapasiti telah dilaksanakan bagi memantapkan lagi pemahaman pegawai kehakiman, perundangan dan pihak berkuasa seperti polis ke atas perundangan dan hak asasi berkaitan kanak-kanak. Antara latihan yang diadakan ialah seperti bengkel pematuhan instrumen hak asasi manusia dianjurkan oleh Jabatan Peguam Negara (AGC) dan Latihan Kehakiman dan Perundangan kepada para pegawai kehakiman dan perundangan, Jabatan Penjara, Kementerian Luar Negeri, polis dan agensi lain yang berkaitan.

Susulan daripada pewujudan Pembantu Pelindung bagi jagaan sementara kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan di bawah Akta A1511, KPWKM akan menyediakan satu garis panduan bagi pelantikan dan menyenarai peranan serta tanggungjawab Pembantu Pelindung dalam kalangan masyarakat. Pembantu Pelindung yang dilantik (diluluskan oleh Menteri atas syor Ketua Pengarah JKM) akan diperkasa dengan aspek perlindungan dan keselamatan kanak-kanak.

iv. **Majlis Kebangsaan bagi Kanak-Kanak**

Majlis Kebangsaan bagi Kanak-Kanak telah distruktur semula untuk menasihati dan membuat syor kepada Kerajaan mengenai semua isu dan aspek yang berhubungan dengan pemeliharaan, perlindungan, pemulihan, perkembangan dan penyertaan kanak-kanak di peringkat kebangsaan serantau dan antarabangsa. Majlis yang mempunyai struktur multisektoral ini akan membantu proses penguatkuasaan dengan lebih efektif kerana keanggotaannya daripada pelbagai kementerian, agensi antaranya seperti Kementerian Kesihatan, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Penjara dan individu termasuk wakil kanak-kanak yang mempunyai

pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam bidang kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) juga telah menubuhkan satu *taskforce* untuk menangani insiden kecuai ibu bapa sehingga menyebabkan kematian anak.

Taskforce ini antaranya berperanan dalam membincangkan dan merangka langkah-langkah dalam menangani isu berkaitan kecuai ibu bapa ke atas anak-anak sehingga menyebabkan kematian. Terkini, *taskforce* ini telah mengadakan perbincangan untuk merangka satu pelan tindakan bagi menangani insiden kecuai ibu bapa ke atas anak-anak sehingga menyebabkan kematian.

Selain itu, perbuatan 'cuai' oleh ibu bapa/penjaga juga telah dijadikan sebagai salah satu elemen dalam membolehkan supaya seorang kanak-kanak itu diselamatkan dan dilindungi oleh Pelindung atau Pembantu Pelindung (setelah Akta A1511 dikuat kuasa). Elemen cuai ini dimasukkan dalam pindaan Akta A1511 ekoran daripada insiden

meninggalkan kanak-kanak tanpa pengawasan sehingga menyebabkan kematian/kecederaan (contohnya di dalam kereta dan rumah) yang kian menjadi.

Tuan Yang di-Pertua,

Penguatkuasaan Akta A1511 memerlukan kerjasama semua agensi Kerajaan yang berkaitan, penguatkuasa dan ahli masyarakat. Yang Berhormat-Yang Berhormat diminta menghebahkan peruntukan-peruntukan yang ada dan sama-sama memperjuangkan hak kanak-kanak bersama KPWKM.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
LISAN : 1.11.2016
DARIPADA : DATO' SRI ABDUL MANAN BIN ISMAIL
SOALAN : NO. 27

Dato' Sri Abdul Manan Bin Ismail [Paya Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan isu pelajar Malaysia yang berhutang yuran pengajian sebanyak RM4.5 juta di Mesir dan berapa jumlah pelajar Malaysia mengikuti kursus di Mesir.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berhubung krisis pelajar di Mesir yang menghadapi masalah tunggakan yuran pengajian seperti yang dilaporkan baru-baru ini, KPT telah mengambil tindakan segera dengan menghantar pegawai ke Mesir, yang diketuai oleh YBhg. Dato' Kamel bin Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan). Misi ini bertujuan mendapatkan fakta pelajar Malaysia yang memerlukan bantuan dan universiti mereka agar bantuan dapat diselaraskan dengan kadar segera.

Setakat Ogos 2016, terdapat 4,287 orang pelajar jurusan Sains Kesihatan di Mesir. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,348 orang adalah tajaan agensi Persekutuan, 903 tajaan agensi negeri (tidak termasuk, Perlis, Sabah, Pulau Pinang dan Sarawak) dan 2,036 orang pelajar secara persendirian. Pelajar-pelajar Malaysia ini sedang menuntut di Universiti Ain Shams, Universiti al-Azhar, Universiti Alexandria, Universiti Al-Mansoura, Universiti Assiut, Universiti Kaherah, Universiti Tanta dan Universiti Zagazig.

Susulan perkara itu, KPT dengan kerjasama Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) telah melancarkan Tabung Pendidikan Pelajar Malaysia pada 7 Oktober 2016. Kutipan tabung ini mensasarkan kepada pihak kerajaan pusat dan negeri, badan-badan korporat, serta individu yang berminat untuk membantu. Sumbangan ini mampu membantu pelajar di Mesir untuk meneruskan pengajian dan memberi kelegaan kepada ibu bapa yang ketika ini risau tentang masa depan anak-anak mereka.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 1 NOVEMBER 2016 (SELASA)

SOALAN : 28

Tuan Ng Wei Aik [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada dan bilakah tindakan undang-undang akan diambil terhadap Rusia berikutan siasatan Pasukan Siasatan Bersama (JIT) yang diketuai oleh Negara Netherlands yang telah membuat kesimpulan bahawa pesawat Malaysia Airlines MH17 telah ditembak oleh peluru BUK yang dibawa masuk ke zon konflik di Ukraine dari Rusia dan dibawa kembali ke Rusia selepas berlakunya kejadian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun laporan interim siasatan jenayah nahas pesawat MH17 yang dikeluarkan oleh *Joint Investigation Team* (JIT) pada 28 September 2016 telah membuat kesimpulan bahawa pesawat MH17 telah ditembak oleh peluru BUK yang dibawa masuk ke zon konflik di Ukraine dari Rusia dan dibawa kembali ke Rusia, namun hasil interim siasatan jenayah tersebut tidak menyalahkan mana-mana negara yang bertanggungjawab dalam menembak jatuh pesawat MH17.

Dalam hubungan ini, pihak JIT akan meneruskan siasatan jenayah menurut tatacara yang ditetapkan di bawah undang-undang untuk mencapai keterangan yang konklusif dan boleh dipercayai yang dapat dipertahankan dalam mahkamah. Beban pembuktian dalam kes jenayah adalah lebih berat dan dengan itu siasatan jenayah mengambil masa yang lebih lama.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' AHMAD FAUZI BIN
ZAHARI (SETIAWANGSA)**

TARIKH : 1.11.2016 (SELASA)

SOALAN : 29

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan adakah pihak Kementerian
bercadang untuk mengkaji semula elaun yang
diberikan kepada guru dan pembantu di Tabika KEMAS.

Tindakan : **KEMAS**

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Pada masa ini Kakitangan kontrak KEMAS mendapat gaji yang sama serta kemudahan-kemudahan elaun yang hampir setaraf dengan kakitangan tetap. Bagi Pemaju Masyarakat (guru) TABIKA yang mempunyai kelayakan STPM atau Diploma khususnya telah dinaikkan taraf ke Gred S27 mulai tahun 2010 dan diberi gaji mengikut kelayakan gred. Disamping itu, KEMAS sentiasa komited untuk meningkatkan kebajikan kakitangan kontrak dengan mengadakan perbincangan dengan Agensi Pusat seperti JPA dan MOF dari semasa ke semasa termasuklah memberikan status tetap kepada kakitangannya.

Bagi Pembantu Pemaju Masyarakat Sukarela (PPMS) pula, mereka merupakan individu yang diambil oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) secara sukarela bagi tujuan membantu melancarkan urusan pentadbiran di premis-premis Taman Bimbingan Kanak-Kanak (TABIKA) dan Taman Asuhan Kanak-

Kanak (TASKA) KEMAS. Keutamaan pelantikan adalah di kalangan suri rumahtangga yang tinggal berhampiran dengan premis TABIKA / TASKA KEMAS.

Bidang tugas PPMS ialah membantu menyediakan keperluan makan minum serta memastikan aspek kebersihan dan keselamatan kanak-kanak TABIKA / TASKA terjamin bagi membolehkan guru TABIKA / TASKA lebih fokus pada skop Pembelajaran dan Pengajaran terutamanya pada 1 jam sebelum sesi persekolahan bermula dan 1 jam sebelum sesi persekolahan tamat.

Bayaran saguhati yang diterima oleh PPMS sebelum 31 Mac 2011 adalah sekitar RM50 hingga RM300 sebulan. Kadar bayaran ini adalah tidak seragam kerana bayaran kepada PPMS ketika itu bergantung kepada kadar kutipan yuran TABIKA / TASKA dan tertakluk kepada persetujuan Jawatankuasa Aktiviti TABIKA / TASKA masing-masing. Pada 31 Mac 2011, pihak kerajaan telah meluluskan bayaran saguhati kepada PPMS sebanyak RM400.00 sebulan.

Pihak KEMAS ingin menekankan bahawa bayaran yang diperolehi bukanlah dikategorikan sebagai Skim Gaji Kakitangan Awam, sebaliknya ianya adalah bayaran saguhati di atas perkhidmatan yang diberikan secara sukarela.

Namun demikian, ketika ini pihak KEMAS telah menyediakan kertas kabinet untuk cadangan kenaikan kadar saguhati PPMS dan diselaraskan oleh pihak kementerian (KKLW). KKLW juga sedang mendapatkan ulasan agensi-agensi pusat dan kementerian-kementerian yang berkaitan dalam perkara ini.

Disamping itu, sebagai langkah awal, pihak KEMAS dalam peringkat akhir mengkaji semula tempoh masa bekerja serta skop kerja yang dilaksanakan oleh PPMS supaya setimpal dengan jumlah saguhati yang diterima.